

MITASA



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



ISO 9001:2000 No. Sijil KLR 0404089



**Terbaik antara
Terbaik**

**Konvensyen
Akademik**

**'Kenaikan
Tangga Gaji'**

**Selamat
Tahun
Baru**

2008

KEBAJIKAN STAF

AGENDA MITASA 2008



Dalam menghadapi era globalisasi pendidikan terutamanya dengan pelancaran Pelan Strategik Pengajian Tinggi Melangkaui Tahun 2020 oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini, banyak cabaran yang akan dipikul oleh IPT termasuk UiTM. Dengan jumlah kakitangan akademik yang mencecah 5300 orang, MITASA yakin kita mampu menghadapi cabaran yang digariskan terutama dalam menobatkan UiTM sebagai universiti setaraf dengan Harvard dalam bidang penyelidikan, inovasi dan penerbitan.

Meskipun tegar dalam menyahut cabaran-cabaran tersebut, kebajikan kakitangan akademik semestinya terus dijaga. Masih ramai lagi warga akademik UiTM yang masih di takuk DM45 walaupun sudah berkhidmat lebih dari 15 tahun. Masih ramai lagi warga akademik UiTM yang sudah memiliki PhD tetapi tetap di takuk DM45. Ini menimbulkan banyak persoalan dan pertanyaan dari ahli-ahli. Justeru itu, persoalan berkaitan kebajikan staf menjadi agenda utama perjuangan MITASA. Selain itu, MITASA juga berusaha

memohon supaya tuntutan anomali Elaun Khidmat Awam (EKA) bagi DM45 diperbetulkan. Beberapa siri mesyuarat dengan KPT dan JPA juga telah diadakan tetapi sehingga kini masih belum menjadi kenyataan. MITASA berharap ia akan dapat diselesaikan pada tahun 2008 ini.

SESI PERBINCANGAN YB MENTERI PENGAJIAN TINGGI DENGAN PERSATUAN PEGAWAI AKADEMIK IPTA (Mohd Hanapiah Mohd Yusoff)

Perjumpaan kesatuan/persatuan kakitangan akademik IPTA pada 6 Oktober 2006 lalu yang dipengerusikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed adalah bertujuan membincangkan tentang karenah birokrasi di IPTA. Perbincangan tersebut diadakan untuk mengurangkan karenah birokrasi di samping mengemukakan beberapa pembaharuan.

Setiausaha Agung MITASA, Mohd Hanapiah Mohd Yusoff telah mewakili MITASA. Antara isu yang dibangkitkan oleh MITASA pada sesi perbincangan tersebut ialah:

1. ATA pensyarah.
2. 'Thumb in' dan 'Thumb out'

menggunakan alat elektronik bagi mengesan cap jari menggantikan "punch card". Masalah timbul apabila terdapat fakulti mengguna alat yang mahal dan perlu disimpan dalam pejabat dan pensyarah yang ada berkuliah hingga malam, dimestikan 'thumb out' pukul 5 petang iaitu sebelum pejabat tutup.

3. Usul agar pelajar PLK UiTM juga mendapat pinjaman PPTN sebagaimana pelajar sepenuh masa.

4. Isu jadual waktu peperiksaan dan KPI untuk jadual waktu peperiksaan telah ditetapkan menteri, iaitu sebulan sebelum tarikh peperiksaan.

5. Kekurangan pegawai tadbir di sesetengah fakulti menyebabkan pensyarah perlu memikul tugas-tugas pentadbiran.

6. Dari isu kenaikan pangkat pensyarah gred 45 ke gred 52 atau gred 54, yang menimbulkan kerumitan. Ada pensyarah yang dinasihat oleh pihak-pihak di Fakulti dengan mengatakan rugi dipohon awal sebab bila sudah mendapat kenaikan ke DM52, pensyarah tersebut perlu menunggu 3 tahun untuk memohon ke DM54. Pensyarah-pensyarah ini dinasihat menunggu hingga hasil ilmiah/terbitan mereka ke jurnal mencukupi baru memohon terus ke DM54.

7. Isu pendidikan sepanjang hayat dan masalah Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL), iaitu apabila dikalangan ahli akademik Universiti berjaya meningkatkan kelayakan akademik sambil mereka berkerja tetapi tidak diberi KPSL selaras dengan kelayakan mereka.

YURAN PhD

MITASA sedang berusaha mendapatkan pengecualian bayaran yuran PhD untuk ahli yang mengikuti pengajian secara sambilan di UiTM. Pihak pentadbiran UiTM menerusi mesyuarat MBJ Bil2/2006 lalu telah meluluskan permohonan tersebut.